

BAB 3
METODOLOGI KAJIAN

3.1 Latar belakang tempat kajian

Bagan Serai terletak di tengah-tengah di antara 8 mukim dalam daerah Kerian. Jaraknya dengan Parit Buntar iaitu pusat pentadbiran bagi Daerah Kerian ialah 16 km. Kawasan utaranya bersempadan dengan mukim Parit Buntar, kawasan selatan bersempadan dengan mukim Gunung Semanggol / Selinsing, kawasan timur bersempadan dengan mukim Beriah dan barat pula bersempadan dengan mukim Kuala Kurau. Keluasan tanahnya adalah 142,294 ha /per iaitu 16.8 % daripada keluasan daerah Kerian. Jumlah penduduk Bagan Serai mengikut Banci Penduduk dan Perumahan Negara tahun 2000 ialah 29, 755 orang. Dari jumlah tersebut sebanyak 21,260 iaitu 72 % adalah kaum Melayu beragama Islam.

Bagan Serai mempunyai banyak kemudahan infrastruktur seperti bekalan air dan elektrik, sistem pengangkutan jalanraya dan jalan keretapi, perkhidmatan pos dan telefon, kemudahan kesihatan dan juga pendidikan. Terdapat satu cawangan Syarikat Takaful Malaysia dan sebuah agensi Takaful Nasional yang menawarkan khidmat Insuran Islam kepada masyarakat Bagan Serai.

3.2 Bentuk kajian

Kajian adalah berbentuk tinjauan (*survey*) yang dijalankan dari bulan Mac hingga Julai 2003.

3.3 Sampel kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada penduduk-penduduk di Bagan Serai yang mempunyai sumber pendapatan tetap. Rangka sampel adalah senarai penempatan penduduk di bawah pentadbiran Pejabat Penghulu Kawasan Bagan Serai, manakala unit sampel ialah 100 orang penduduk yang bekerja dan layak menyertai skim Takaful. Mereka dipilih secara rawak dari 5 kawasan penempatan penduduk yang paling ramai di Bagan Serai. Pemilihan tersebut juga berdasarkan kategori sumber pendapatan iaitu 25 orang dari sektor kerajaan, 25 orang dari sektor pertanian, 25 orang dari sektor perniagaan dan 25 orang dari sektor perkilangan. Borang-borang kaji selidik diedarkan melalui 2 cara iaitu pertamanya secara langsung dari tangan penyelidik kepada para responden dan kedua melalui wakil penyelidik kepada para responden.

3.4 Pembolehubah kajian

Kajian ini menggunakan 3 pembolehubah bebas dan 2 pembolehubah bersandar.

3.4.1 Pembolehubah bebas

3.4.1.1 Jantina

Dalam kajian ini responden yang dipilih dibahagikan kepada dua kumpulan yang terdiri daripada lelaki dan perempuan yang beragama Islam.

3.4.1.2 Pekerjaan

Responden diambil dari golongan yang bekerja dalam sektor kerajaan, perniagaan, pertanian dan perkilangan.

3.4.1.3 Pendapatan

Jumlah pendapatan responden adalah bermula dari kurang RM 1000 sehingga ke RM 5000 ke atas.

3.4.1 Pembolehubah bersandar

Dalam kajian ini pembolehubah bersandar akan dilihat berdasarkan statistik deskriptif untuk menggambarkan reaksi responden terhadap sesuatu kes. Kemudian pembolehubah bersandar akan diuji dengan menggunakan ujian khi-kuasa dua untuk menerima atau menolak hipotesis berdasarkan pembolehubah-pembolehubah bebas.

3.4.2.1 Kefahaman terhadap skim takaful.

3.4.2.2 Sambutan terhadap skim takaful .

3.4.2.3 Hubungan kefahaman dengan sambutan terhadap skim takaful.

3.5 Instrumen Kajian

Instrumen penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Ia dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu :

Bahagian A : latar belakang responden

Maklumat yang ingin dikumpulkan di bahagian ini merangkumi aspek umur, jantina, status perkahwinan, jenis pekerjaan, jumlah pendapatan dan bilangan tanggungan. Hasil kajian akan diterangkan dalam bentuk deskriptif.

Bahagian B : kefahaman tentang skim Takaful

Pemahaman yang ingin diuji pada bahagian ini dibahagikan kepada dua iaitu bahagian pertama : 10 soalan tentang konsep Takaful dan bahagian kedua : 10 soalan tentang bagaimana skim tersebut dilaksanakan. Dalam 20 soalan di bahagian B ini responden diberi tiga pilihan untuk memberikan jawapan. 3 pilihan jawapan tersebut adalah mengikut Skala Likert yang diubahsuai di mana markah akan dinilai berdasarkan jawapan yang diberikan. Jawapan yang betul diberi skor 2, jawapan tidak pasti diberi skor 1 dan jawapan yang salah diberi skor 0. Jawapan 'Ya' adalah betul bagi soalan yang berbentuk positif dan jawapan 'Tidak' adalah betul bagi soalan yang berbentuk negatif. Julat skor adalah 0 hingga 40 markah. Jawapan responden yang mencapai peratusan 75 - 100 % menunjukkan kepada pemahaman yang tinggi, 50 - 74 % pula menunjukkan tahap pemahaman yang sederhana, manakala kurang dari 50 % menunjukkan tahap pemahaman yang rendah.

Bahagian C : sambutan terhadap skim Takaful

Jawapan responden pada bahagian ini akan dianalisa secara deskriptif dengan menerangkan peratusan sambutan masyarakat terhadap skim ini serta faktor-faktor yang berkaitan dengannya.

3.6 Tatacara Pengumpulan Data

Sebelum soal selidik digunakan, satu ujian rintis (pilot testing) akan dijalankan ke atas 10 orang responden. Tujuan utama ujian rintis ini dijalankan ialah :

- i) Untuk mengetahui samaada soalan yang dikemukakan kepada responden tersebut dapat menghasilkan jawapan yang dimaksudkan oleh penyelidik.
- ii) Untuk mengetahui samaada perkataan dan struktur ayat yang digunakan dapat difahami dengan baik oleh responden.
- iii) Untuk mengetahui adakah soalan-soalan yang dikemukakan relevan dengan kajian yang ingin dibuat.

Berdasarkan keputusan ujian rintis ini, beberapa pengubahsuaian terhadap soalan dan kenyataan yang tidak sesuai akan dibuat bagi memastikan ia dapat digunakan dengan baik.

3.7 **Tatacara Penganalisan Data**

Data-data kajian yang diperolehi akan dianalisis dalam bentuk kekerapan atau peratusan dengan menggunakan komputer dalam pakej statistik untuk sains sosial (SPSS) mengikut kesesuaiannya. Statistik deskriptif akan digunakan untuk menerangkan latar belakang responden dan juga data lain yang bersesuaian. Statistik inferens khi kuasa dua digunakan untuk mencari hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang mempengaruhi sambutan masyarakat terhadap skim takaful. Keputusan dari pengolahan data tersebut akan menentukan sama ada hipotesis yang dibuat ditolak atau diterima.